



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**9 JUN 2024 (AHAD)**

**11.00 PAGI**

**DEWAN MASTIKA  
INSTITUT DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

*Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

## **SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN**

1. Apa khabar semua warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur? Marilah kita memanjatkan rasa syukur kerana diberi keizinan kepada kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada pagi yang berbahagia ini.
2. Saya amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya ke majlis ini seterusnya memberi peluang untuk berinteraksi dengan datuk, datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Di kesempatan ini juga saya mengalu-alukan **kehadiran kesemua jentera perpaduan yang merangkumi pelbagai latar belakang dan generasi** iaitu:
  - Anggota Kawasan Rukun Tetangga
  - Anggota Skim Rondaan Sukarela
  - Mediator Komuniti
  - Skuad Uniti
  - Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan

- Sekretariat Rukun Negara
- Friends of Unity
- Rakan Strategik Perpaduan
- Rakan Media Perpaduan serta komuniti setempat di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

3. Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas penganjuran program Sambutan Minggu Perpaduan 2024 yang telah berlangsung pada 8 hingga 9 Jun 2024. Saya difahamkan pelbagai pengisian program telah dirancang sepanjang tempoh penganjuran sambutan ini. Ini adalah selari dengan aspirasi Kementerian di mana **program Sambutan Minggu Perpaduan ini merupakan usaha untuk memperkukuhkan penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum di samping memperkasa penghayatan Rukun Negara.**

4. Suka saya imbas semula sambutan kali pertama Sambutan Minggu Perpaduan pada tahun lepas di Kuching, Sarawak yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada ketika itu. **Punca kuasa Sambutan Minggu Perpaduan –**

**dipersetujui pelaksanaannya oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Mac 2023.**

5. Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI** melalui konsep **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** dan juga merupakan **tema yang diangkat untuk Sambutan Minggu Perpaduan**. Melalui kerangka ini, Kembara Perpaduan Malaysia MADANI telah dijadikan flagship utama Kementerian dalam mencapai aspirasi perpaduan nasional. Ianya telah dilancarkan pada 01 Mac 2023. Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan terus membawa impak yang besar kepada seluruh lapisan masyarakat dengan pelbagai pengisian program yang dapat memperkukuh jalinan muhibbah dan ikatan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.
  
6. Pelaksanaan program di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI menggunakan *whole of government approach* iaitu kerjasama strategik antara agensi Kerajaan merentasi sempadan portfolio dalam meneraju agenda perpaduan negara yang selari dengan pembangunan Malaysia MADANI.

Hadiri yang saya kasihi sekalian

## **KLUSTER KEMBARA PERPADUAN**

7. **Tiga kluster utama Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan, dan Komuniti RAHMAH.**

i. **Program Semarak Kenegaraan**

Dilaksanakan bagi memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat melalui usaha memartabatkan Rukun Negara. Ia dirangka bagi memupuk semangat jati diri dan cintakan tanah air.

ii. **Program Semarak Perpaduan**

Bertujuan untuk meraikan perbezaan dalam kepelbagaian melalui elemen seperti kebudayaan, pendidikan serta rekreasi.

iii. **Program Komuniti RAHMAH**

Memberi pendekatan untuk memangkin kesejahteraan serta keharmonian komuniti meliputi aspek ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kenegaraan, kebudayaan dan alam sekitar.

8. **Program Sambutan Minggu Perpaduan adalah merupakan inisiatif di bawah kluster Semarak Perpaduan. Objektif utama** penganjuran program ini adalah untuk **menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian latar belakang, adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia.** Ianya adalah selari dengan tema Sambutan Minggu Perpaduan iaitu “Perpaduan dalam Kepelbagaian”.
  
9. Secara dasarnya, Sambutan Minggu Perpaduan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan dipersetujui dilaksanakan secara berkala setiap tahun pada bulan Mei hingga Jun. Pada tahun ini, Sambutan Minggu Perpaduan peringkat Kebangsaan telah pun berlangsung dengan jayanya di Plaza Angsana Johor Bahru, Johor pada 23 hingga 26 Mei 2024 yang lalu dan secara rasminya telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Untuk makluman, seramai lebih 117,00 rakyat Malaysia telah hadir memeriahkan program tersebut dan melebihi sasaran awal yang ditetapkan. Ini menunjukkan sokongan yang tidak berbelah bahagi rakyat Malaysia terhadap perpaduan dan keharmonian.

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

## **KEHARMONIAN DI MALAYSIA**

10. Pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan yang mana ia menjadi satu platform menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat tidak mengira suku kaum, bangsa, budaya dan agama sekali gus menjadi tapak interaksi sosial dan mewujudkan hubungan antara etnik berbeza. Namun begitu, ia memerlukan sokongan serius dan dukungan padu daripada semua lapisan masyarakat. **Masyarakat Malaysialah yang akan menentukan tahap keharmonian sebenar yang ingin dikecapi berjaya sepenuhnya atau tidak.**
  
11. **Keharmonian amat penting dan merupakan asas dalam membentuk sesebuah negara yang maju dan bersatu padu.** Tanpa perpaduan dan keharmonian, mustahil kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat mampu dicapai.
  
12. Kerajaan sememangnya akan sentiasa **menitikberatkan soal keharmonian** dan memberikan **penekanan kepada aspek perpaduan dan meletakkannya sebagai asas dalam setiap dasar pembangunan yang dirangka.**

13. Kementerian Perpaduan Negara telah menyalurkan Geran Rukun Tetangga kepada semua Rukun Tetangga WP Kuala Lumpur sebanyak RM 1,710,000.00 manakala bagi Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk sesi persekolahan tahun 2024/2025 ,Geran Starter Kit dan Geran Per Kapita bagi setiap murid dan Bantuan Makanan Tambahan (BMT) telah disalurkan kepada Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan sebanyak RM 1,175 323.00.

### **HARAPAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

14. Melihat kepada muafakat dan perpaduan bagi generasi masa hadapan. **Tiga (3) konsep utama** yang akan diterapkan **dalam setiap pelaksanaan program di JPNIN WPKL** adalah **“Faham, Hormat dan Terima.”** Semoga dengan pengamalan 3 aspek ini, rakyat Malaysia dapat sama-sama mencipta lebih banyak momen-momen perpaduan yang lebih indah dan sekaligus dapat mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat.

15. Melalui program sebegini, masyarakat pelbagai kaum dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat lagi khususnya berkaitan adat dan budaya pelbagai etnik di negara ini. Ia juga boleh dijadikan sebagai tapak integrasi



baharu dalam usaha mengeksplorasi detik-detik perpaduan yang manis dalam membina sebuah negara maju.

16. **Harapan saya juga agar program ini dapat terus memelihara keharmonian yang telah kita kecapai selama ini.** Sesungguhnya perbezaan inilah yang mengukuhkan jalinan perpaduan dan menjadikan Malaysia negara yang sangat unik dan istimewa di mata dunia.
17. Sambutan Minggu Perpaduan diadakan bagi menunjukkan kepada masyarakat betapa pentingnya perpaduan dalam memelihara keamanan dan kesejahteraan sejagat.
18. Kementerian juga sentiasa memberikan sokongan dan kepercayaan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebagai salah sebuah agensi di bawahnya untuk terus berusaha melaksanakan visi dan misinya dalam memupuk perpaduan, meraikan kepelbagaian agar relevan dan kekal lama bertahan dalam menongkah arus kepesatan teknologi dan pembangunan negara sejajar dengan Matlamat 16 dalam Pembangunan Mampan 2030 atau '*Sustainable Development Goals (SDG) 2030 – Peace, Justice and Strong Institutions*'.

## **PENUTUP**

19. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi tinggi tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, semua ahli panel, moderator dan semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program pada hari ini. Semoga semangat kerjasama dan kebersamaan ini dapat memartabatkan dan menzahirkan perpaduan menerusi interaksi dan seterusnya mengukuhkan lagi perpaduan di negara kita. Saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2024** .

Sekian, terima kasih.